

MTUC perjuang kepentingan asing: PM

OR - 9 JUN 1990
KUALA LUMPUR, Jumaat — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bukan berjuang untuk kepentingan pekerja negara ini, sebaliknya mengutamakan kebajikan pekerja Amerika Syarikat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sokongan pemimpin MTUC supaya ditarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) yang diberikan oleh Amerika kepada Malaysia, membuktikan mereka mahu pekerja negara ini kehilangan pekerjaan.

"Inilah perjuangan MTUC yang kononnya berjuang untuk hak pekerja. Tetapi pekerja yang mana?" katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di sini, hari ini.

Beliau mengulas langkah sebuah lagi pertubuhan, Gabungan Pekerja-Pekerja Elektrik Antarabangsa (IBEW) meminta pentadbiran Amerika menarik balik GSP kepada Malaysia kerana mendakwa industri keluaran telekomunikasi negara itu kehilangan kira-kira 30,000 pekerjaan kerana GSP.

Menurut Perdana Menteri, usaha pertubuhan buruh di Amerika tidak bertujuan melindungi pekerja Malaysia yang didakwa kononnya ditindas

oleh kerajaan, tetapi semata-mata untuk kepentingan pekerja negara itu.

"Mereka ingin GSP ditarik balik supaya pekerja kita menganggur dan pekerja mereka ada kerja," ujarnya.

Beliau Berkata, Amerika memang akan mengkaji sebarang petisen pertubuhan dalam negeranya mengenai GSP yang diberikan kepada negara lain setiap tahun.

"Kita juga tahu akan ada pihak tertentu cuba mendesak keistimewaan itu ditarik balik. Ini sistem mereka. Kalau kita jelaskan perkara sebenar, ia mungkin dapat menyelesaikan masalah untuk tahun ini.

"Tapi, tahun depan, pasti ada pemimpin kesatuan sekerja di sini cuba lagi. MTUC pasti mahu menolong 'international brotherhoodnya' untuk menarik balik GSP," ujarnya.

Empat petisen dikemukakan berhubung GSP di Malaysia ialah daripada IBEW, Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Asasi Buruh Antarabangsa (ILRERF), Persekutuan Buruh Amerika dan Kongres Pertubuhan Perindustrian (AFL-CIO) dan petisen bersama Oil-dri Corporation dan Majlis Eksport Ternakan dan Telur Amerika.